

Undang-undang Hudud Pas tidak adil

UM 2 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR 20 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, undang-undang Hudud yang didraf oleh kerajaan Pas Terengganu bukanlah undang-undang Islam jika undang-undang ciptaan manusia itu membawa kepada ketidakadilan.

Menurut Perdana Menteri, sebab itu orang Islam mesti menolak undang-undang yang digubal oleh manusia biasa, walau bagaimana alim sekalipun dan walau apa pun nama yang diberi kepada undang-undang tersebut.

“Mereka yang menyebabkan Islam dipandang hina oleh semua kerana begitu tidak adil hasil tafsiran mereka, mereka akan tanggung dosa di akhirat kelak. Ini telah dijanji,” tegas beliau menjelaskan mengenai Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang didraf oleh kerajaan Pas Terengganu.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dasar merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Draf awal undang-undang Pas itu menjadi isu hangat diperbincang oleh semua pihak termasuk pertubuhan wanita apabila dalam Seksyen 9 mengenai kes rogol misalnya, ia tidak menyebelahi mangsa dan kaedah pembuktiannya terlalu keras.

Menjelaskan mengenai draf tersebut Perdana Menteri berkata, semua orang Islam dan bukan Islam tahu bahawa keadilan bermakna penjenayah yang mesti dihukum dan bukan mangsanya.

“Undang-undang gubahan manusia yang menghukum mangsa sebagai bersalah sudah tentu tidak adil dan tidak Islam.

“Yang salah bukan ajaran Islam tetapi mereka yang membuat tafsiran kerana kepentingan politik mereka.

“Orang yang membuat undang-undang

supaya mangsa rogol dihukum dengan hukuman yang berat, sementara perogol dibebaskan, orang ini tidak berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar supaya berlaku adil,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, dalam al-Quran Allah telah berkali-kali menegaskan supaya menghukum dengan adil.

Dalam menjelaskan lagi mengenai isu itu, beliau mempersoalkan:

“Jika seorang wanita mendakwa ia dirogol oleh orang tertentu dan terdapat pada wanita itu tanda-tanda atau alasan jelas yang ia dipaksa (rogol) dan di zaman ini kita mempunyai cara untuk menentukan air mani datang daripada perogol yang dituduh atau tidak, apakah hendak kita ketepikan semua bukti ini kerana prosedur tertentu tidak dapat kita turuti?”

Dr. Mahathir selanjutnya menarik perhatian supaya mereka yang merangka undang-undang itu berfikir, berkata:

“Apabila anak itu dilahirkan maka rupanya sama seperti orang yang dituduh merogol, dan semakin lama semakin jelas siapa yang menjadi bapa kepada anak yang telah membesar; dan di zaman ini kita mempunyai cara untuk menentukan siapa bapa kepada anak, apakah tuduhan yang dibuat oleh pendakwa dan hukuman yang dibuat oleh hakim tidak merupakan ketidakadilan, tuduhan yang palsu dan berdosa kerana yang dituduh sebenarnya tidak bersalah?”

Sehubungan itu, katanya orang yang menuduh mangsa rogol sebagai pezina jelas melakukan kesalahan dan berdosa.

“Sudah tentu orang yang menggubal undang-undang yang tidak adil, yang mendakwa dan menghukum secara tidak adil, mereka semua bersalah dan berdosa,” katanya.